

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 29
 RUANGAN : SELANGOR/ KL

831 produk minuman keras dirampas

**Sebanyak 15
 notis kompaun
 bernilai
 RM52,500 turut
 dikeluarkan**

MOHD IZZATUL IZUAN
 TAHIR

SHAH ALAM

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor merampas sebanyak 831 produk minuman keras pelbagai jenama bernilai RM11,695.10 dalam Ops Minuman Beralkohol Khamis lalu.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Khalid Ibrahim berkata, sebanyak

93 premis jualan diperiksa dalam operasi terbabit.

Menurutnya, produk minuman keras terbabit dirampas kerana tidak mematuhi keperluan pelabelan produk minuman beralkohol yang dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Makanan (PPM) 1985.

"Selain itu, sebanyak 15 notis di bawah Seksyen 32B Akta Makanan 1983 bagi pelbagai kesalahan dikompoun berjumlah RM52,500," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dr Khalid berkata, antara kesalahan yang dilakukan ialah kegagalan penjual mempamerkan notis di hadapan lokasi jualan selain tanda larangan jualan minuman beralkohol kepada mereka yang beru-



Anggota Penguat kuasa Jabatan Kesihatan Negeri Selangor menjalankan pemeriksaan produk minuman keras dalam Ops Minuman Beralkohol Khamis lalu.

mur kurang daripada 21 tahun di kaunter jualan minuman beralkohol.

"Kita juga mendapati penjual tidak menyediakan

kabinet atau rak berasingan bagi mempamerkan minuman beralkohol dengan makanan lain untuk jualan," katanya.

Beliau berkata, objektif operasi itu bagi memastikan semua produk minuman keras yang tersenarai di bawah Peraturan 362 se-

hingga Peraturan 386, PPM 1985 yang dijual di pasaran mematuhi peruntukan berkaitan produk minuman beralkohol.

"Antara perkara yang menjadi tumpuan semasa operasi ini adalah kepatuhan terhadap standard am bagi minuman beralkohol selain daripada keperluan pelabelan antaranya larangan penjualan minuman keras kepada mereka berumur kurang 21 tahun dan tanda larangan di kaunter jualan.

"Selain itu, semua penjual minuman beralkohol diwajibkan mempamerkan notis meminum arak boleh merbahayakan kesihatan di hadapan premis selain tanda larangan jualan minuman beralkohol," katanya.